

TERMA DAN SYARAT

NU-PREP PERADUAN SIHAT BERSAMA

1. Nu-Prep Peraduan Sihat Bersama dianjurkan oleh Biotropics Malaysia Berhad.
2. Peraduan ini akan bermula pada 1 Oktober 2020 sehingga 31 Oktober 2020 untuk bulan Oktober dan akan diteruskan pada bulan Disember, iaitu dari 1 Disember 2020 sehingga 31 Disember 2020. Mana-mana penyertaan yang dihantar selepas jam 11.59 malam pada 31 Oktober 2020 atau 31 Disember 2020 tidak akan diterima.
3. Penganjur mempunyai hak untuk memanjang, mengubah, menangguhkan atau menolak penyertaan tanpa sebarang notis pemberitahuan kepada mana-mana pihak yang terlibat. Kecuali dinyatakan, para peserta masih terikat dengan terma dan syarat peraduan SEKIRANYA tarikhnya dilanjutkan.
4. Penganjur berhak mengubah terma dan syarat tanpa sebarang notis pemberitahuan kepada mana-mana pihak yang terlibat.

SYARAT AM KELAYAKAN

5. Peraduan ini terbuka untuk semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan menetap di Malaysia.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

6. Semua kakitangan Biotropics Malaysia Berhad, sekutu dan / atau syarikat berkaitan serta ahli keluarga terdekat adalah tidak layak untuk menyertai peraduan ini.

SYARAT WAJIB PENYERTAAN

7. Untuk mengambil bahagian, peserta yang layak mesti mengikuti langkah-langkah berikut:
 - a. Beli produk Nu-Prep Lelaki atau Nu-Prep Wanita (30 kapsul dan ke atas) di mana-mana cawangan farmasi atau di atas talian.
 - b. Hantar bukti pembelian (Gambar resit) melalui WhatsApp dan jawab satu (1) soalan mudah untuk melayakkan diri untuk mendaftar. (Simpan resit sebagai bukti pembelian).
 - c. Kongsi gambar anda bersama pasangan anda (berserta produk) di bawah *post* “Peraduan Sihat Bersama”.
8. Setiap penyertaan yang lengkap beserta resit pembelian yang sah dikira layak sebagai satu (1) penyertaan.
9. Semua penyertaan mestilah mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan.
10. Pendaftaran yang tidak lengkap dan / atau kegagalan untuk mematuhi semua dan / atau apa-apa terma dan syarat secara automatik akan terbatal tanpa notis pemberitahuan terlebih dahulu.
11. Semua penyertaan untuk bulan tersebut akan dibawa ke bulan seterusnya.

PENGUMUMAN PEMENANG

12. Pada awal bulan Januari 2021, 4 pemenang hadiah utama, 24 pemenang hadiah sagu hati akan dipilih melalui sesi cabutan bertuah.

13. Penyertaan yang penuh dan lengkap dengan bukti pembelian (resit) akan digunakan sebagai pengesahan.
14. Cabutan bertuah akan diadakan melalui Facebook Live pada awal bulan Januari 2021.
15. Pemenang akan dimaklumkan melalui mana-mana platform di bawah ini, pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak penganjur mengikut budi bicara wakil Nu-Prep.
 - Panggilan telefon
 - Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS)
 - WhatsApp
 - Post pengumuman di Facebook & Instagram
16. Pemenang yang akan dihubungi melalui panggilan telefon adalah tertakluk kepada maksimum tiga (3) kali percubaan panggilan. Penganjur berhak untuk menggantikan pemenang dengan pemenang yang baru jika panggilan gagal dijawab.

SYARAT UMUM

17. Penganjur, kakitangan dan pihak lain yang terlibat dengan penganjuran peraduan ini tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kejadian seperti berikut:
 - a. Gangguan dari pihak yang tidak terlibat sepanjang tempoh peraduan.
 - b. Sebarang kesilapan teknikal berkaitan pengurusan pendaftaran dan penyertaan.
 - c. Kerugian secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh penyertaan peserta dalam peraduan ini.

18. Penganjur berhak untuk membatalkan pendaftaran yang tidak sesuai dengan proses dan operasi peraduan, pelanggaran atau percubaan untuk melanggar terma dan syarat peraduan.
19. Penganjur mempunyai hak untuk menolak, mengubah, menangguhkan atau menangguhkan pendaftaran jika perkara-perkara yang tidak dijangka dan di luar kawalan berlaku.
20. Dengan menyertai peraduan ini, para peserta telah bersetuju bahawa pihak penganjur berhak untuk menerbitkan dan / atau mempublikasikan perincian dan / atau gambar peserta di media cetak atau elektronik bagi tujuan pengiklanan, publisiti dan pengumuman, tanpa royalti dan / atau pembayaran.
21. Penganjur berhak menukar, mengubah, membuang atau memasukkan mana-mana bahagian terma dan syarat tanpa pemberitahuan terlebih dahulu dan para peserta adalah tertakluk kepada mana-mana perubahan yang dilakukan.
22. Bagi pemenang, hadiah akan dihantar melalui service penghantaran, disampaikan secara terus kepada pemenang atau akan dimasukkan ke dalam akaun masing-masing dalam masa 7 - 14 hari bekerja (tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Biotropics Malaysia Berhad) selepas pengumuman pemenang.

Terma dan syarat disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Sekiranya terdapat perbezaan antara dua versi, perincian dalam Bahasa Inggeris diutamakan.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Peraduan Sihat Bersama, hubungi kami melalui laman Facebook rasmi Nu-Prep.